



conference proceeding



SIMPOSIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : AC127

PRODUK PELANCONGAN JEJAK WARISAN NEGARA: KAJIAN LITERATUR

Nur Hanim Binti Ilias^a, Azran Bin Mansor^b

^{a,b}Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia
^anurha048@perak.uitm.edu.my, ^bazran973@perak.uitm.edu.my

Abstrak

Jejak Warisan (*Heritage Trail*) merupakan salah satu produk pelancongan yang sering diaplikasikan di kawasan bandar warisan. Ia membantu membawa pelancong menyusuri laluan-laluan sejarah supaya pelancong dapat mengalami dan melihat keadaan sebenar nilai warisan yang terdapat di tempat yang dikunjungi. Berdasarkan kajian literatur dan analisis berkaitan pengaplikasian program jejak warisan di Malaysia, faktor kejayaan sesebuah program jejak warisan telah dikenalpasti bagi menjamin kepentingan program tersebut sebagai pemangkin pemuliharaan warisan negara.

Kata kunci: Pelancongan warisan; program jejak warisan

1. Pengenalan

Pelancongan dan warisan adalah dua perkara yang sering dikaitkan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, warisan akan dapat terus wujud tanpa adanya pelancongan, manakala pelancongan mungkin tidak akan wujud tanpa warisan. Merujuk kepada Kamus Oxford (2008), warisan membawa maksud sesuatu yang akan atau telah diwarisi yang mana akan melibatkan dua pihak iaitu generasi sebelum dan generasi akan datang. Boniface dan Fowler (1993), turut telah menyatakan bahawa pelancongan merupakan antara sektor pembangunan terbaik di muka bumi atau sesuatu kawasan, dan ramuan utama kepada perkembangannya adalah warisan.

Oleh yang demikian, sebagai langkah untuk pembangunan sektor pelancongan, maka telah diwujudkan beberapa program yang berkaitan dengan nilai warisan antaranya adalah program jejak warisan. Secara amnya, tujuan program jejak warisan dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai nilai warisan setempat dan merangsang kepada aspek pemeliharaan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempromosikan tempat bersejarah kepada pelancong di samping memberi pendedahan kepada kepentingan pemeliharaan nilai warisan.

2. Kajian Literatur

2.1 Warisan

Warisan adalah satu pendekatan yang memberikan impak yang besar terhadap pelancongan. Kedua-duanya memerlukan cara pengurusan (Cheung, 1999) dan pemasaran (Bennett, 1995) yang berbeza walaupun ianya saling berkaitan antara satu sama lain. Millar (1995) telah membuat satu model pengkelasan secara menyeluruh mengenai warisan yang menjadi tarikan kepada pengunjung yang melibatkan tiga kategori utama iaitu warisan binaan, warisan semulajadi dan warisan kehidupan (Rajah 1).

Dapat disimpulkan bahawa warisan itu terbahagi kepada dua perkara utama iaitu warisan nyata (tangible) dan warisan tidak nyata (intangible). Warisan nyata adalah perkara yang boleh dilihat kewujudannya serta dapat dikenalpasti perubahan sekiranya berlaku. Sebagai contoh bangunan bersejarah, lukisan, buku dan sebagainya. Namun, bagi warisan tidak nyata adalah sukar untuk dikenalpasti akan keasliannya. Ini kerana, menurut pendapat Hitchcock (1996), warisan akan sentiasa berubah dari satu generasi ke satu generasi. Sebagai contoh budaya hidup atau cara hidup. Budaya yang diwarisi ini akan berubah-ubah mengikut kesesuaian semasa dan berkemungkinan akan hilang sekiranya perubahan yang ketara berlaku ataupun tidak diwariskan kepada generasi seterusnya.

Rajah 1: Pengkelasan kategori warisan yang menjadi tarikan pengunjung.

	Warisan Binaan	Warisan Semulajadi	Warisan Kehidupan
Negara/Benua	Bandar	Landskap / Laut	Manusia
Kawasan	Pekan sejarah Resort tepi pantai Kawasan pemeliharaan	Taman Negara Persisiran pantai warisan AONBs	Makanan tradisional Festival Pasar
Tempat	Muzium Galeri Seni Bangunan bersejarah Kawasan bersejarah dan monumen Pusat warisan Taman tema warisan Kenderaan	Taman bandar dan kawasan pedalaman Taman tumbuhan Taman warisan Pemeliharaan semulajadi Pusat pedalaman Hutan	Kafeteria Pusat kraf Ladang

Sumber: Millar, 1995

2.2 *Pelancongan warisan*

Pelancongan warisan adalah satu aktiviti perjalanan yang bertujuan untuk mendapatkan pengalaman, merasai dan melihat keadaan sebenar sesuatu tempat, artifak dan juga aktiviti sebenar atau asli yang dianggap mempunyai nilai sejarah yang tersendiri yang dapat menggambarkan cerita dan kehidupan manusia pada masa dahulu dan sekarang. Pada era 80an dan 90an, pelancongan warisan telah menjadi antara aktiviti tumpuan dan mendapat permintaan tertinggi di dalam sektor pelancongan. Pelancongan ini telah berkembang dan menjadi antara faktor kepada sesebuah pembangunan perancangan kawasan bagi pihak berkuasa tempatan. Ia memberi peluang untuk mempromosikan budaya setempat dan menyelesaikan beberapa faktor pelancongan yang melibatkan musim yang tidak menentu (Richards, 1996). Pelancongan warisan juga turut berkembang disebabkan oleh sikap pelancong yang lebih peka dan sensitif kepada benda yang unik.

Menurut Poria (2000), terdapat tiga kategori pelancong yang terlibat di dalam pelancongan warisan iaitu:

- i. Pelancong yang sekadar melawat tempat.
- ii. Pelancong yang sedar tentang status kawasan yang dilawati.
- iii. Pelancong yang menilai tempat yang dilawati kerana warisan adalah sebahagian daripada kehidupannya.

Pelancongan warisan juga dapat membantu memulihara dan memelihara warisan budaya sesuatu destinasi atau tempat, bergantung pada pelbagai faktor seperti akta, garis panduan yang ditentukan oleh pihak berkuasa (Henderson, 2002). Setiap usaha pembangunan pelancongan warisan perlu berdepan dengan cabaran dan isu yang wujud di antara masalah proses pembangunan dan pemeliharaan.

2.3 *Program jejak warisan*

Pada masa kini, kebanyakan badan-badan atau organisasi berminat untuk terlibat secara langsung dengan pembangunan jejak warisan kerana terdapat banyak faedah dari segi pembangunan sosial, fizikal, alam sekitar dan budaya serta ekonomi. (Government of South Australia, 2002). Menurut garis panduan pembentukan jejak warisan yang dibuat oleh Pejabat Warisan, New South Wales (NSW) (1995), jejak warisan itu adalah laluan yang sedia ada yang mana menghubungkan perkara penting yang mempunyai nilai warisan di sekitar kawasan tersebut. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa, jejak warisan itu akan melibatkan lebih daripada satu elemen atau destinasi warisan yang mana setiap satunya berkaitan dalam memberikan tujuan tertentu dalam penjejakan.

Terdapat pelbagai jenis jejak warisan dari segi saiz, tujuan dan tahap kemahsyuran untuk dijejaki oleh pengunjung dan pelancong di England. Rajah 2 menunjukkan kategori jejak warisan yang terdapat di England yang dikaji oleh Debi dan Nicola (2006) dan peratusan penggunaannya. Menurut rajah 2, kategori jejak warisan bandar adalah yang paling tinggi digunakan. Ini kerana, bandar merupakan kawasan tumpuan pelancong dan kategori ini

dapat menterjemahkan pelbagai nilai warisan seperti sejarah perkembangan bandar, komuniti dan memberi tumpuan pada senibina yang menarik dan mempunyai pengertian kepada bandar tersebut.

Rajah 2: Kategori jejak warisan di England dan peraturan penggunaannya.

Kategori	Peratusan
Bandar	33
Sejarah (Penulisan)	28 (6.7)
(Acara)	(13.3)
(Tokoh)	(8.0)
Senibina	11
Arca / Seni awam	11
Pengindustrian	8
Lain-lain Makanan dan minuman; Keagamaan; Wayang; Maritim	10

Sumber: Debi dan Nicola, 2006

3. Analisis berkaitan pengaplikasian program jejak warisan di Malaysia

Hasil daripada kajian literatur serta analisis yang dijalankan di beberapa program jejak warisan di Malaysia, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi ke arah kejayaan sesebuah program jejak warisan yang dilaksanakan. Keberjayaan sesebuah program jejak warisan ini penting dalam memastikan tujuan asal pelaksanaan program dapat dicapai disamping menjadi pemangkin kepada aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan nilai warisan yang dimiliki oleh sesebuah tempat. Berikut adalah faktor-faktor yang telah dikenalpasti:

3.1 Tujuan program

Sesebuah program jejak warisan yang dijalankan seharusnya mempunyai tujuan yang jelas dan khusus agar matlamat penjejakan berjaya dihayati oleh penjejak diakhir penjejakan mereka. Tujuan penjejakan pula seharusnya tidak lari dari aspek menghargai nilai warisan yang ingin ditonjolkan samada warisan nyata mahupun tidak nyata. Sebagai contoh, dalam sebuah bandar warisan, ianya boleh terdapat lebih dari satu laluan jejak warisan bergantung pada keunikan dan nilai sejarah tempat tersebut agar penjejak lebih fokus dan faham tentang tujuan penjejakan yang mereka lalui.

Selain itu, bagi menarik minat penjejak khususnya pelancong untuk menggunakan program jejak warisan, penerapan beberapa aktiviti perlu disediakan di beberapa kawasan laluan penjejakan agar penjejak berasa seronok dan teruja selain dapat lebih memahami dan menghargai nilai warisan yang ingin disampaikan. Menurut Pejabat Warisan, NSW (1995), antara tema atau tujuan yang bersesuaian untuk menarik minat pelancong menggunakan program adalah laluan yang berkaitan:

- Senibina
- Warisan industri
- Warisan dalam air
- Tokoh yang berkepentingan
- Proses kepada sejarah atau acara

Hasil pemerhatian dan kajian awal yang dijalankan, tema senibina merupakan tema utama yang sering digunakan di dalam program jejak warisan yang terdapat di Malaysia memandangkan terdapat banyak bandar warisan di negara ini mempunyai bangunan sejarahnya yang tersendiri kesan daripada penjajahan dahulu. Bagi program Jejak Warisan Ipoh, tema yang telah digunakan adalah berkaitan senibina dan warisan industri (bijih timah) manakala bagi program Jejak Warisan Penang, tema senibina, tokoh dan proses kepada pembentukan sejarah Bandar Georgetown telah menjadi agenda utama kepada tujuan penjejakannya.

Selain itu, tema khusus yang melibatkan lebih dari satu bandar atau negeri juga boleh didapati di Malaysia sebagai contoh Program Jejak Warisan Merdeka yang merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) untuk memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan Malaysia. Jejak warisan yang bertemakan proses kepada sejarah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para penjejak mengalami sendiri pengalaman

dengan melihat tempat-tempat bersejarah yang mempunyai signifikan kepada kemerdekaan negara. Laluan penjejakannya melibatkan beberapa destinasi di negeri Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Terdapat juga program jejak warisan yang turut melibatkan beberapa buah negara seperti program Jejak Warisan Jawi anjuran Majma' Budaya Dan Warisan Jawi yang membabitkan perjalanan dari Malaysia ke Thailand, Kemboja, Vietnam, Laos, China dan Myanmar, sejauh 10,000 kilometer. Tujuan program tersebut adalah untuk menjejak dan merungkai sejarah baru bangsa Melayu dan kesinambungan tinggalannya di seluruh dunia, ia juga untuk menjalin kembali hubungan silaturrahim di dalam kelompok negara yang berlainan.

Namun begitu, terdapat juga program jejak warisan yang kurang jelas tema dan tujuan penjejakannya sebagai contoh program Jejak Warisan Bandar Alor Setar. Ini kerana, terdapat beberapa destinasi yang tersenarai di dalam laluan yang tidak dapat dikaitkan sinifikasinya dengan destinasi lain yang turut berada di dalam laluan penjejakan. Keadaan ini meyebabkan tujuan penjejakan yang kurang jelas dan matlamat penjejakan tidak berjaya. Ini kerana hasil kajian mendapati, tujuan asal program Jejak Warisan Bandar Alor Setar ini diwujudkan adalah untuk mempromosikan tempat-tempat menarik di bandar tersebut tanpa mengambil kira nilai warisan destinasi yang disenaraikan dalam laluan penjejakan.

3.2 Konsep penjejakan

Konsep penjejakan di dalam sesebuah program jejak warisan juga penting dalam menentukan cara penjejakan yang ingin dilaksanakan. Menurut Pejabat Warisan, New South Wales (NSW) (1995), cara penjejakan boleh dilakukan dengan 2 jenis cara iaitu secara sendiri ataupun berpandu dengan menggunakan perkhidmatan pemandu pelancong. Oleh itu, kemudahan prasarana dan juga kemudahan pelancongan perlulah disediakan dengan sebaiknya agar penjejak dapat melakukan penjejakan dengan sempurna.

Hasil kajian soal selidik di Bandar Alor Setar pada April 2012 terhadap konsep penjejakan menunjukkan 73% menyatakan penggunaan pemandu pelancong adalah lebih menarik dan mudah berbanding melakukan penjejakan secara sendiri dengan menggunakan buku panduan penjejakan semasa menyusuri laluan warisan. Ini menunjukkan bahawa penceritaan secara lisan mengenai nilai sejarah dan warisan destinasi yang dikunjungi lebih diminati berbanding daripada pembacaan buku panduan penjejakan. Keadaan ini berlaku mungkin kerana, sekiranya penjejak mempunyai keraguan ataupun persoalan ketika menyusuri laluan warisan, mereka boleh terus mendapatkan jawapan dengan mendapatkan penjelasan daripada pemandu pelancong.



Rajah 3: Contoh risalah sebagai panduan penjejakan (Jejak Warisan Penang) yang menunjukkan peta laluan serta penerangan mengenai destinasi yang terlibat dalam penjejakan. Penggunaan nombor dan anak panah di dalam peta ilustrasi secara isometrik memudahkan proses penjejakan.

Namun begitu, penjejakan secara sendiri pula dilihat akan memupuk semangat yang lebih mesra di antara penjejak dengan penduduk setempat kerana mereka akan terus bertanya kepada penduduk setempat sekiranya mereka memerlukan bantuan. Selain itu, penghayatan nilai warisan juga akan lebih dirasai kerana penjejakan secara sendiri sememangnya menuntut pembacaan atau kajian yang lebih terhadap sesuatu elemen warisan yang mereka

kunjungi. Tambahan pula, mereka juga tidak terikat dengan jadual atau peruntukkan masa lawatan terhadap sesuatu destinasi warisan yang dilawati.

Walau bagaimanapun, pengembaraan secara sendiri adalah satu cabaran yang besar untuk memastikan penjejak sentiasa berada di dalam program jejak warisan. Oleh yang demikian, beberapa faktor telah dikenalpasti oleh Debi dan Nicola, (2006) bagi mengikat atau memandu penjejak untuk sentiasa berada di dalam program jejak warisan sehingga ke penghujung laluan yang disediakan dan akhirnya mengakhiri penjejakan. Merujuk rajah 4, tempat yang sering menjadi tarikan pelancong merupakan faktor utama kepada sesebuah penjejakan itu dilakukan. Ini kerana, pelancong tidak akan melepaskan peluang untuk melihat tempat yang sering menjadi tumpuan melalui pengalamannya sendiri. Manakala faktor panel atau papan informasi serta pembacaan susulan juga dapat menarik minat pelancong untuk lebih memahami keadaan atau nilai sejarah tempat yang dijejaki. Faktor-faktor lain yang turut menjadi pengikat kepada penjejakan yang lengkap adalah acara, hubungan tambahan seperti berinteraksi dengan penduduk setempat serta melakukan aktiviti-aktiviti cara hidup masyarakat setempat dalam usaha untuk lebih memahami nilai warisan di tempat tersebut.

Rajah 4: Faktor pengikatan penjejakan.

Faktor pengikatan penjejakan	Peratusan
Tarikan pelancong	29
Panel atau pameran	28
Pembacaan tambahan	28
Acara	20
Hunbungan tambahan	12
Aktiviti di laluan	9

Sumber: Debi dan Nicola, 2006

3.3 Elemen warisan

Elemen warisan merupakan asas kepada pembangunan sektor pelancongan warisan khususnya terhadap produk pelancongan program jejak warisan. Tanpa elemen warisan, program tidak akan dapat diwujudkan. Selain itu, elemen warisan juga merupakan daya penarik kepada pelancong mahupun pengunjung untuk menggunakan program jejak warisan yang disediakan. Oleh itu, langkah pemeliharaan dan pemuliharaan elemen warisan adalah perlu dalam menentukan keberkesanan program.

Tindakan memelihara dan memulihara elemen atau nilai warisan bukan hanya melibatkan perancang dan perlaksana program jejak warisan sahaja tetapi ianya juga perlu mendapat sokongan daripada penduduk setempat dalam menjamin kualiti program serta kualiti nilai warisan itu sendiri. Elemen warisan yang dipilih juga seharusnya berkait rapat dengan kehidupan penduduk setempat agar ianya menjadi tarikan yang kuat, identiti atau sesuatu yang dapat dibanggakan oleh penduduk setempat. Penyenaraian elemen warisan di dalam program jejak warisan juga seharusnya selari dengan tujuan penjejakan agar penjejak jelas dan memahami matlamat penjejakan yang dilakukan.

Kesedaran penduduk setempat mengenai nilai warisan yang dimiliki oleh tempat mereka juga sangat penting dalam menjayakan program jejak warisan. Ini kerana secara tidak langsung penduduk setempat telah menjadi sebahagian daripada program jejak warisan yang dilaksanakan. Namun begitu, hasil kajian yang dijalankan di Bandar Alor Setar pada tahun 2010 telah menunjukkan bahawa hanya 42 orang atau 27% daripada pelancong mengetahui mengenai status Bandar Alor Setar sebagai salah satu bandar warisan di Malaysia. Manakala hanya 28 orang atau 61% daripada pengunjung yang merupakan penduduk Bandar Alor Setar sendiri tahu mengenai status bandar tersebut sebagai bandar warisan. Keadaan ini memberikan gambaran yang kurang memuaskan dalam menjayakan program jejak warisan di bandar tersebut.

Menurut kajian jejak warisan yang dijalankan Debi dan Nicola (2006), pengalaman pengunjung yang menyusuri jejak warisan sangat dititik beratkan dengan menghubungkan produk pelancongan formal dan tidak formal di dalam laluan (Rajah 5). Ini kerana, kesemua produk tersebut akan menggambarkan tema yang disediakan di dalam program selain dapat memberikan pengalaman yang menarik kepada pelancong kerana terdapat keseimbangan di dalam pemilihan produk warisan formal dan tidak formal.

Rajah 5: Pengkelasan produk budaya dan warisan formal dan tidak formal.

Produk formal	Produk tidak formal
Gereja	Restoran / Kafe
Rumah bersejarah	Kemudahan beriadah
Monumen	Kedai
Senibina	Pasar
Muzium	
Plak	
Sekolah	
Taman	
Arca / Seni awam	
Semulajadi	
Pusat pelancongan	
Dan lain-lain	

Sumber: Debi dan Nicola, 2006

3.4 Jarak penjejakan

Kemudahsampaian ke destinasi penjejakan merupakan faktor yang sangat penting dalam memastikan penjejak terus menyusuri laluan dari mula hingga akhir dengan lengkap. Sekiranya destinasi penjejakan sukar untuk dikunjungi atau tidak jelas, maka kemungkinan laluan penjejakan tidak akan sempurna dilakukan oleh penjejak dan ianya akan menjejaskan matlamat penjejakan dan akhirnya program jejak warisan tersebut tidak akan berjaya.

Merujuk kepada kajian kes yang telah dijalankan terhadap program Jejak Warisan Bandar Alor Setar, terdapat 21 tempat telah disenaraikan dan akan mengambil masa selama 12 jam untuk melengkapkan penjejakan seperti yang dicadangkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah (UPEN). Pelaksanaan program ini dilihat kurang sesuai kerana 12 jam adalah masa yang panjang untuk dilengkapkan dalam tempoh satu hari dan sekiranya penjejakan bermula pukul 8 pagi dan ianya akan berakhir jam 8 malam. Pada waktu ini, tempat penjejakan terakhir iaitu Kota Kuala Kedah telah pun ditutup operasinya. Selain itu, jika dibahagikan masa 12 jam untuk 21 tempat yang disenaraikan, peruntukkan untuk setiap tempat adalah lebih kurang 35 minit yang mana ianya belum mengambil kira masa perjalanan antara satu destinasi ke destinasi yang lain. Hasil kajian menunjukkan terdapat jarak antara destinasi yang mengambil masa perjalanan lebih dari 40 minit dengan menaiki kenderaan sendiri. Keadaan ini menunjukkan kelemahan dari segi perancangan yang dilakukan oleh pihak UPEN dan akhirnya menjadikan program Jejak Warisan Bandar Alor Setar tidak berjaya.

Bagi memastikan setiap destinasi dalam laluan jejak warisan dikunjungi, jarak penjejakan serta kemudahan perjalanan seperti laluan yang selamat, jelas dan selesa perlu disediakan. Jarak penjejakan adalah faktor yang secara langsung akan mempengaruhi masa penjejakan, golongan atau umur penjejak dan juga kaedah penjejakan dilakukan sama ada secara berjalan kaki ataupun menaiki kenderaan seperti, berbasikal, bas, atau sebagainya. Mengikut garis panduan Pejabat Warisan, NSW (1995), pejejakan warisan secara berjalan perlu mengambil masa dalam 1 atau 2 jam untuk melengkapkan penjejakan. Ianya tidak sesuai sekiranya mengambil masa lebih dari 3 jam bagi menjamin keselesaan penjejak. Selain itu, turut dinyatakan had panjang keseluruhan laluan yang bersesuaian untuk pejalan kaki adalah 2 km – 4 km dan memandu adalah 25 km.

3.5 Pengurusan program

Pengurusan yang baik dan efisien terhadap produk pelancongan jejak warisan adalah penting dalam memastikan program tersebut terus relaven dan digunakan dari semasa ke semasa. Hasil pemerhatian dan kajian yang dijalankan menunjukkan pengguna produk pelancongan tersebut berkemungkinan akan menggulangi penjejakannya sekiranya pengurusan terhadap program tersebut sentiasa menerapkan pembaharuan dalam memberikan pengalaman yang

berbeza terhadap pengguna. Pembaharuan yang dilakukan adalah dengan mewujudkan kelainan aktiviti serta konsep penjejakan ketika menyusuri laluan warisan tersebut.

Selain itu, pengendalian terhadap promosi program jejak warisan juga perlu dalam memastikan program diketahui oleh pelancong khususnya untuk menarik minat mereka. Tindakan promosi yang efisien mengikut peredaran teknologi semasa dapat memberikan impak yang lebih berkesan terhadap program. Selain itu, penyediaan perkhidmatan pelancongan yang berkualiti seperti penyediaan kemudahan pelancongan yang cukup, tahap kebersihan yang baik, pekerja yang terlatih dan sebagainya dapat memberikan kepuasan kepada penjejak ketika menyusuri laluan warisan.

Hasil temubual bersama pemandu pelancong bagi program Jejak Warisan Penang, penganugerahan status 'UNESCO World Heritage Site' pada tahun 2008 terhadap Georgetown telah secara tidak langsung menjadikan program jejak warisan di negeri tersebut menjadi popular dan sering digunakan oleh pelancong mahupun pengunjung di Pulau Pinang. Selain itu, hubungan baik di antara pihak pengurusan program, Penang Heritage Trust (PHT) dan penduduk setempat yang menjadi sebahagian daripada pemilik destinasi warisan telah menjadikan program Jejak Warisan Penang sangat berjaya.

Tidak dinafikan, pengurusan yang baik serta efisien ini disamping menjalankan tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan nilai warisan memerlukan sumber kewangan yang cukup. Oleh yang demikian, tindakan mengenakan bayaran kepada pengguna program atau tempat warisan yang dilawati adalah tidak wajib untuk dilaksanakan, cuma ianya dianggap perlu untuk tujuan pemeliharaan atau penyelenggaraan tempat warisan tersebut. Sekiranya tempat yang dilawati dikenakan bayaran, maka ia seharusnya mencapai tahap yang diharapkan oleh pelancong atau pengguna mengikut kadar yang dikenakan. Selain itu, dalam menjaga keadaan nilai warisan ini agar dalam keadaan baik, pengawalan ke atas kemudahsampaian perlu dititik beratkan. Dalam erti kata lain mengawal kuantiti pengunjung yang datang kepada aset warisan tersebut pada satu-satu masa.

KESIMPULAN

Program jejak warisan adalah sebuah produk pelancongan yang mempunyai tujuan yang baik iaitu untuk memberikan informasi kepada pengguna program mengenai nilai warisan yang terdapat di satu-satu tempat di samping penjejak dapat mengenali tempat yang dikunjungi dengan lebih dekat. Selain itu, bagi menjamin kualiti penjejakan yang menarik, penyediaan aktiviti kepada pelancong dan pengunjung yang mengikuti program adalah perlu agar penjejakan tidak berasa bosan dengan sekadar memperoleh pengalaman dan pengetahuan melalui pembaca dan pemerhatian sahaja. Aktiviti yang melibatkan penglibatan penjejak dapat memberikan pengalaman yang lebih bermakna dan menarik, seterusnya dapat menarik perhatian penjejak untuk menggunakan program yang sama atau mengulanginya pada masa akan datang. Tujuan program yang jelas dengan melibatkan elemen warisan yang bersesuaian dan perancangan jarak penjejakan yang praktikal akan menjamin keberkesanan program.

Namun begitu, sesuatu yang ingin dilaksanakan perlu melalui proses penyediaan yang betul atau berkualiti agar ianya dapat menghasilkan produk yang juga berkualiti. Pihak pengurusan perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan program berjalan lancar dan seterusnya berjaya. Kejayaan program jejak warisan ini juga secara tidak langsung merangsang tindakan pemeliharaan dan pemuliharaan nilai warisan agar ianya terus dihargai dan dihayati seterusnya turut sama memberikan impak yang positif kepada sektor pembangunan kawasan yang terlibat.

RUJUKAN

Ashworth, G.J. and Tunbridge, J.E., (2000), *The Tourist-Historic City: Retrospect and Prospect of Managing The Heritage City*. Oxford, Pergamon.

Badan Warisan Malaysia, [Online] <http://www.badanwarisan.org.my/> [Dicapai pada Oktober 2009 hingga Ogos 2012].

Bennett, M., (1995), *Heritage Marketing: The role of Information technology*. *Journal of Vacation Marketing* 3 pp.272-280.

Boniface, P., and Fowler, P.J., (1993), *Heritage and tourism: In the Global Village*. Routledge, London.

Brian Garrod and Alan Fyall., (2000), *Managing Heritage Tourism*. *Annals of Tourism Research*, 27 (3) pp.682-708.

Cheung, C.H., (1999), *The Meaning of Heritage Trail in Hong Kong*. *Annals of Tourism Research*, 26 (3) pp.570-588.

- Dartington Amenity Research Trust, DART (1978), *'Self-Guided Trails: an appraisal of 46 self-guided trails Cheltenham: Countryside Commission'*.
- Debi Hayes, Nicola MacLeod, (2006) 'Packaging Places: Maximising in Potential of The Heritage Trail by Adopting an Experience Economic Perspectives'.
- Government of South Australia, (2002), 'Recreational Trails Strategy for South Australia: Consultation Draft. [Online] www.msr.wa.gov.au [Dicapai pada November 2009].
- Henderson, J.C., (2002) *'Heritage Attraction and Tourism Development in Asia: Comparative Study of Hong Kong And Singapore'*. *International Journal of Tourism Research* 4, pp.337- 344.
- Heritage Office, New South West, NSW (1995), *'Guideline for Heritage Trails'*. Heritage Information Series. [Online] www.heritage.nsw.gov.au [Dicapai pada November 2009 hingga Ogos 2012].
- Hitchcock, R., (1996), *'Tourism and Culture: An Applied Perspectives'*. State University of New York Press, Albany.
- Jabatan Warisan Negara Malaysia (JWN), Kementerian Budaya, Kesenian dan Warisan, [Online] <http://www.warisan.gov.my> [Dicapai pada Oktober 2009 hingga Ogos 2012].
- Kamus Oxford (2008), [Online] <http://www.oxfordadvancedlearnersdictionary.com> [Dicapai pada September 2009 hingga Februari 2012].
- Millar, A., (1995), *'Heritage Management for Heritage Tourism'*. *Tourism Management*, 10 (1) pp.9-14.
- Penang Heritage Trust (PHT). [Online] www.pht.org.my [Dicapai pada September 2009 hingga Ogos 2012].
- Poria, Y., et Al., (2000), *'Challenging the Present approach to heritage Tourism'*. *Tourism Review*, 56 (1) pp.51-53.
- Richards, G., (1996), *'Production and Consumption of Europe Cultural Tourism'*. *Annals of Tourism Research*, 23 (1996), pp.261-283.
- Richards, G., (2000), *'Tourism and The world of culture and Heritage'*. *Tourism Recreation Research*, 25 (1) pp.9-17.
- Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah (UPEN). [Online] www.visitkedah.com.my [Dicapai pada September 2009 hingga Ogos 2012].